



JATI DIRI KEBANGSAAN DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (National Identity amongst Students of Higher Education Institutions)

¹MOHD. YUSOF OTHMAN*; ¹JAWIAH DAKIR; ²ABD. LATIF SAMIAN;
³MOHD. SAFAR HASIM; ⁴NOOR AZIAH MOHD AWAL; ¹SHAMSUL
AZHAR YAHYA; ¹ROSILAWATI MOHD. HANAPI; ¹NORALINA OMAR;

¹MUJAHID ABU BAKAR

¹Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor, Malaysia

²Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600
Bangi, Selangor, Malaysia

³Institut Kajian Rantau Asia Barat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600
Bangi, Selangor, Malaysia

⁴Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kekukuhan jati diri dalam kalangan generasi muda sering kali menjadi kebimbangan masyarakat, perkara tersebut memandangkan generasi muda lazimnya terkenal dengan sifat-sifat seperti ingin mencuba suatu yang baru dan mudah terikut-ikut sedangkan generasi muda merupakan generasi harapan bangsa yang bakal menerajui negara pada masa akan datang. Kajian ini bertujuan meneliti tahap jati diri pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terpilih di sekitar Lembah Kelang. Komponen jati diri yang dinilai dalam kajian ini ialah bahasa, adat, budaya, agama, patriotisme, integriti, idealisme dan sumbangan institusi. Semua komponen tersebut diteliti manifestasinya melalui pengetahuan, tingkah laku, emosi, nilai dan kepercayaan. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui pendekatan kuantitatif. Borang soal selidik merupakan alat pengumpulan data kajian. Alat ukuran jati diri dibina oleh kumpulan penyelidik. Seramai 800 mahasiswa lelaki dan perempuan dari empat IPTA terpilih dengan pelbagai tahun dan aliran pengajian dan terdiri daripada tiga etnik utama terpilih sebagai responden kajian ini. Hasil kajian ini mendapati hanya 54.6 peratus responden mempunyai tahap jati diri yang tinggi. Selain itu, terdapat perbezaan signifikan dari segi jati diri berdasarkan etnik ($k < 0.001$). Kesimpulannya, tahap jati diri sampel kajian adalah agak membimbangkan. Ini menunjukkan bahawa pihak berkuasa harus mengambil tindakan serius supaya ia tidak mengancam integriti nasional negara. Usaha berterusan perlu dilakukan untuk mengukuhkan jati diri rakyat negara ini.

Kata Kunci: jati diri kebangsaan, etnik, generasi muda

*Corresponding author: Mohd. Yusof Othman, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia, Email: myho@iukm.my
Diserahkan: 15 November 2011
Diterima: 19 Januari 2012
DOI: <http://dx.doi.org/10.17376/JH-2012-SP-06>

ABSTRACT

The concern of our society today is about the strength of identity amongst young generation. This concern is due to the characters of young generation who is more curious and love to try new things, hence easily misled. The young generation is our hope for the future to govern our country. This paper studies the strength level of identity amongst students of selective public higher educational institutions (PHEIs) in Klang Valley. The identity components measured in this study are language, tradition, culture, religion, patriotism, integrity, idealism, and institutional contribution. The manifestation of the components were analysed via knowledge, behaviour, emotion, value, and belief. This study was designed to utilise a quantitative approach with survey method. A survey questionnaire was constructed as a research instrument to collect data for this study, and an identity measurement tool was also developed by this group of researchers. The participants are 800 male and female students from four selective PHEIs with different years and streams of studies as well as ethnics. The study found that only 54.6 percent of the respondents had a high level of identity strength. In addition, there was a significant difference between ethnics ($p < 0.001$). In conclusion, the strength level of identity found by this study is alarming.

Keywords: *national identity, ethnic, young generation*

PENGENALAN

Kekukuhan jati diri dalam kalangan generasi muda sering kali menjadi kebimbangan masyarakat. Perkara tersebut memandangkan generasi muda lazimnya terkenal dengan sifat-sifat seperti ingin mencuba suatu yang baru dan mudah terikut-ikut. Dari sudut yang lain, generasi muda juga merupakan generasi harapan bangsa yang bakal menerajui negara pada masa akan datang. Jati diri selalunya dikaitkan dengan akhlak dan maruah individu, masyarakat atau negara. Pembentukan Jati Diri Kebangsaan pula adalah suatu yang asasi dan menjadi agenda utama bagi setiap negara bangsa dengan tujuan untuk membina identiti yang tulen dan murni yang boleh menjadi teras dan lambang keagungan dan keunggulan sesebuah negara (Ismail Bakar 2010). Pembentukan jati diri merupakan proses untuk memantapkan keyakinan masyarakat terhadap sistem kepercayaan yang di anuti masyarakat kerana apabila setiap anggota masyarakat berpegang teguh pada ajaran agama, maka mereka tidak akan melakukan perkara yang tidak baik (Ismail Bakar 2010).

Menurut Ismail Ibrahim (2010b), jati diri bagi rakyat Malaysia merupakan isu yang agak kompleks memandangkan negara ini menerima kepelbagaian kaum, agama, budaya dan bahasa. Malaysia sepanjang sejarahnya tidak mengamalkan dasar asimilasi yang meleburkan nilai suatu keturunan bangsa, bahasa atau budaya, sebaliknya mengamalkan dasar hidup secara aman dan damai dalam kepelbagaian kaum dan bangsa (Ismail Ibrahim 2010b). Oleh kerana Malaysia mempunyai sistem perlembagaan yang merangkumi sistem perundangan, sosial, agama, bahasa dan sebagainya, maka beliau berpendapat, pengakuan sebagai rakyat Malaysia adalah merupakan pengiktirafan jati diri yang iltizam kepada iklim dan landskap negara ini secara keseluruhannya.

Perlembagaan Malaysia turut memperincikan hal ehwal agama dan amalannya secara jelas, dasar bahasa kebangsaan, dasar hak istimewa orang Melayu dan bumiputera dan perkara-perkara yang melindungi kepentingan kaum dan agama lain merupakan ciri-ciri penting pembentukan negara bangsa Malaysia (Ismail Ibrahim 2010a). Oleh yang demikian, Ismail Ibrahim (2010a) berpendapat, rakyat harus mengenali jati diri dan sahsiahnya secara mendalam berpandukan Perlembagaan Malaysia dan dasar-dasar negara yang dirangka berdasarkan perlembagaan tersebut.

Persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini ialah sejauh mana tahap jati diri di kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi awam di negara ini. Kajian ini juga akan menjawab persoalan lain yang berkait dengan tahap jati diri iaitu perbandingan tahap jati diri berdasarkan tiga bangsa utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India.

TINJAUAN KAJIAN TERDAHULU

Umumnya, jati diri ialah sifat atau ciri yang unik dan istimewa dari banyak segi seperti adat, bahasa, budaya dan agama yang menjadi teras dalam membentuk sahsiah dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Jati diri juga disebut sebagai identiti yang merujuk kepada identiti diri atau keperibadian diri yang sebenarnya yang dimiliki oleh seseorang, bukan sahaja terlihat secara lahiriah, tetapi termasuk juga nilai-nilai yang menjadi pegangannya (Wan Muhamad 2010).

Dalam penulisan di negara-negara lain, maksud yang paling hampir dengan jati diri ialah *national identity* atau jati diri bangsa. Chi-Huang (2005) berpendapat identiti ialah kategori keahlian yang terbina secara sosial manakala jati diri melibatkan perkara-perkara seperti kedaulatan, bidang kuasa wilayah dan kewarganegaraan. De La Torre (1997) dan Matera et al. (2005, hlm. 83) mentakrifkan *national identity* sebagai "*socio-psychological space of belonging*,

as an identification with some significant traits, and as a consciousness, more or less elaborated, of sharing a space of life". *National identity* juga ditakrifkan sebagai apa sahaja ciri-ciri budaya sesebuah masyarakat yang boleh dikongsi bersama dan membezakan mereka dengan kumpulan lain (Desai 2006). Bagi Mendelsohn (2002), identiti boleh merujuk kepada dua perkara iaitu; kualiti dan ciri yang dikongsi bersama dalam komuniti dan bagaimana individu mentakrifkan diri mereka.

Penelitian terhadap kajian-kajian lepas mendapati bahawa kajian mengenai Jati Diri Kebangsaan selalunya dikaitkan dengan bangsa atau negara. Ini memandangkan jati diri berkait rapat dengan acuan bagi membangun suatu bangsa, budaya dan pemerintahan sesebuah negara. Misalnya, Chi-Huang (2005) mengkaji jati diri bangsa Taiwan dan Cina di Taiwan, Kurth (2007) mengkaji jati diri di Amerika dan Eropah, Tartakovsky (2010) mengkaji jati diri di Rusia dan Ukraine dan Burbank (2010) mengkaji jati diri di German. Di Malaysia, kajian mengenai jati diri pernah dilakukan namun bilangannya masih terhad. Antaranya ialah Tan (2000) yang mengkaji perkaitan antara identiti kebangsaan dengan identiti etnik, Desai (2006) yang mengkaji identiti kebangsaan dalam masyarakat berbilang budaya dan Lee (2009) mengkaji jati diri di kalangan etnik Cina.

Dalam konteks Malaysia, identiti kebangsaan perlu dikaitkan dengan etnik memandangkan identiti kebangsaan selalunya digambarkan secara berbeza oleh kumpulan etnik yang berbeza bagi sesebuah negeri (Tan 2000). Menurut Desai (2006), identiti kebangsaan dalam konteks Malaysia berkait rapat dengan komposisi etnik memandangkan Malaysia adalah sebuah negara multi-etnik.

Mengapa isu berkait dengan jati diri menjadi suatu keperluan untuk dikaji pada masa kini? Berikut dipaparkan beberapa hasil kajian berhubung isu jati diri. Unit Khas Utusan Malaysia pernah menjalankan kajian ke atas 200 orang responden yang mana 89.5 peratus daripadanya terdiri daripada generasi muda yang berada dalam lingkungan 15 hingga 30 tahun berhubung sejarah dan pengetahuan am negara Malaysia (*Utusan Malaysia*, 28 Oktober 2010). Kajian tersebut menyimpulkan bahawa remaja masa kini kurang menghayati sejarah, tidak peduli soal kenegaraan dan mengambil mudah soal patriotisme. Oleh yang demikian, sejauh manakah keberkesanan sistem pendidikan di negara ini dalam menanam sifat jati diri di kalangan penduduknya? Sementara itu, Collet (2007) berpendapat bahawa pendidikan formal yang diperolehi di sekolah-sekolah kerajaan seharusnya merupakan tempat untuk belajar dan mempraktikkan jati diri kebangsaan.

Kajian Ramlah (2005) pula mendapati hanya 70 peratus responden yang terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini mampu menghafal Rukun Negara dengan baik. Sementara itu, pengetahuan terhadap Rukun Negara

adalah lebih baik di kalangan responden perempuan dan responden yang berasal dari bandar. Selain itu, kajian tersebut juga mendapati bahawa tahap kesediaan responden untuk berkorban demi negara masih rendah (Ramlah 2005). Pelajar dari jurusan sastera lebih banyak menerima pendedahan berkait dengan Rukun Negara dalam kursus-kursus pengajian mereka (Ramlah 2005). Apa yang telah berlaku kepada generasi muda yang bakal menerajui negara pada masa akan datang?

Burbank (2010) dalam kajiannya ke atas 795 responden daripada 2 kohort umur yang berbeza mendapati generasi tua di negara German mempunyai tahap patriotisme, identiti kebangsaan dan etnosentrisme yang lebih tinggi berbanding generasi muda. Sekiranya begitu, adakah situasi tersebut juga wujud di negara ini?

Dari segi kumpulan etnik pula, kajian Tartakovsky (2010) terhadap remaja di Rusia dan Ukraine mendapati remaja dari kumpulan majoriti mempunyai sikap yang lebih positif terhadap negara dan jati diri yang lebih kuat. Namun, bagaimana pula situasinya dalam konteks negara ini?

Secara keseluruhan, isu-isu berhubung jati diri yang diuraikan di atas dapat memberi gambaran betapa perlunya tahap jati diri dalam kalangan generasi muda masa kini dikaji. Maka, berdasarkan dapatan kajian-kajian terdahulu dan ulasan-ulasan pakar, kajian ini akan meneliti beberapa persoalan berhubung jati diri dari perspektif Malaysia.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian deskriptif. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui pendekatan kuantitatif. Borang soal selidik yang dijawab sendiri oleh responden merupakan alat pengumpulan data kajian. Kaedah pensampelan yang digunakan ialah rawak berlapis.

Sampel kajian terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi awam. Kumpulan ini dikenal pasti kerana mereka bakal menjadi barisan utama peneraju negara pada masa akan datang. Hanya tiga etnik sahaja dipilih iaitu Melayu, Cina dan India. Ini memandangkan peratusan etnik pada tahun 2010 (mengikut unjuran penduduk berasaskan Banci Penduduk tahun 2000) menunjukkan Melayu, Cina dan India merupakan kumpulan majoriti berbanding etnik lain (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010). Universiti awam pula dipilih sebagai lokasi kajian memandangkan semua pelajarinya memang diwajibkan untuk mengikuti beberapa kursus ketamadunan dan kenegaraan yang boleh meningkatkan jati diri. Empat buah universiti awam di sekitar Lembah Kelang dipilih iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaya (UM).

Pengukuran jati diri yang digunakan dalam kajian ini mengandungi 59 item. Item 1 hingga 6 merupakan pengukuran jati diri dari aspek penggunaan bahasa paling utama dalam urusan seharian. Item 7 hingga 50 pula adalah perkara-perkara berhubung bahasa, adat, budaya, agama, patriotisme, integriti dan idealisme yang paling mencerminkan diri. Item 51 hingga 59 pula adalah perkara-perkara berkait dengan sumbangan universiti dalam pembinaan jati diri. Dari segi pemarkahan, item 7 hingga 59 menggunakan skala likert meletakkan 5 pilihan jawapan iaitu; 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = kurang setuju, 4 = setuju, dan 5 = sangat setuju. Maka, responden yang mendapat skor yang tinggi memberi petunjuk bahawa mereka mempunyai jati diri yang lebih baik berbanding responden yang mendapat skor yang lebih rendah. Nilai pekali alfa dalam ujian kebolehpercayaan bagi alat ukuran ini ialah 0.96.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jumlah responden kajian ialah 800 orang. Kebanyakan responden berusia di antara 19 hingga 23 tahun. Umur purata responden kajian ialah 21.4 tahun (Sp. = 1.84). Majoriti responden adalah perempuan. Sebanyak 66.9 peratus responden berbangsa Melayu, 22.9 peratus berbangsa Cina dan 10.3 peratus berbangsa India. Sebahagian besar daripada mereka berasal daripada bandar. Kebanyakan responden belajar dalam aliran sastera/sains sosial di institusi pengajian masing-masing, diikuti dengan aliran sains dan teknikal. Majoriti responden melalui pendidikan menengah dalam aliran kebangsaan (Jadual 1).

Dapatan kajian ini menunjukkan sebahagian besar (54.6%) responden kajian yang merupakan generasi muda mempunyai nilai jati diri yang tinggi. Dapatan kajian ini seiring dengan hasil kajian Tan (2010). Beliau mendapati tahap pengamalan Rukun negara yang merupakan sebahagian lambang kepada kekukuhan jati diri adalah tinggi dalam kalangan guru pelatih yang juga generasi muda negara. Tidak dinafikan, Abd Rahman dan Amidin (t. th) mendapati amalan nilai murni yang merupakan sebahagian unsur integriti dalam jati diri adalah pada tahap yang sederhana dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Namun demikian, tahap jati diri yang tinggi pada sebahagian besar responden kajian ini adalah mungkin disebabkan oleh peranan institusi pendidikan dalam pembinaan jati diri individu.

Dapatan kajian menunjukkan responden perempuan mempunyai nilai jati diri yang lebih baik berbanding responden lelaki. Responden daripada aliran sastera/sains sosial menunjukkan skor jati diri yang tertinggi berbanding aliran yang lain. Perbandingan nilai skor purata menunjukkan responden daripada etnik India menunjukkan nilai jati diri yang tinggi diikuti dengan responden daripada etnik Melayu (Jadual 2). Berbanding ketiga-tiga etnik yang dikaji, responden daripada etnik Cina menunjukkan skor jati yang paling rendah.

Ujian ANOVA Sehalal dilakukan bagi menentukan perbezaan signifikan jati diri responden berdasarkan etnik. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi jati diri berdasarkan etnik, $F_{(2,797)} = 46.81$, $k = 0.00$ (Jadual 3). Ujian post-hoc LSD menunjukkan jati diri responden dari etnik Melayu berbeza secara signifikan daripada responden dari etnik Cina manakala jati diri responden dari etnik Cina berbeza secara signifikan daripada responden dari etnik Melayu dan India. Namun demikian, tiada perbezaan signifikan yang ditunjukkan di antara responden dari aliran etnik Melayu dan India.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Ciri-ciri	n	%
Umur: ($M = 21.4$, $Sp. = 1.84$)		
18-23 tahun	728	91
23 tahun ke atas	72	9
Jantina:		
Lelaki	368	46
Perempuan	432	54
Etnik:		
Melayu	535	66.8
Cina	183	22.9
India	82	10.3
Asal:		
Bandar	438	54.8
Luar bandar	362	45.3
Aliran pengajian:		
Sains	317	39.6
Sastera & Sains Sosial	341	42.6
Teknikal	142	17.8
Tahun Pengajian:		
Tahun 1	266	33.3
Tahun 2	255	31.9
Tahun 3	279	34.9
Latar belakang sekolah menengah:		
Sek. Men. Kebangsaan	530	66.3
Sek. Men. Jenis Kebangsaan	57	7.1
Sek. Men. Agama	48	6
Sek. Men. Agama Negeri	30	3.8
Sek. Men. Teknik	29	3.6
Sek. Berasrama Penuh	64	8
Maktab Rendah Sains Mara	37	4.6
Sek. Men. Agama Swasta	3	0.3

Nota. n = bilangan subjek, % = peratusan

Jadual 2: Skor jati diri

Skor jati diri responden	n (%)	M	Sp.	Nilai minimum	Nilai maksimum
Keseluruhan	800 (100)	231.01	23.60	58	265
Skor tinggi (232-265)	437 (54.6)				
Skor rendah (53-231)	363 (45.4)				
Lelaki	535 (46.0)	228.61	25.58	69	265
Perempuan	183 (54.0)	233.05	21.59	58	265
Melayu	535 (66.8)	234.47	20.71	58	265
Cina	183 (22.9)	217.21	28.56	69	262
India	82 (10.3)	239.19	16.00	197	265
Sains	317 (39.6)	225.54	26.04	58	265
Sastera/Sains sosial	341 (42.6)	235.41	20.07	94	265
Teknikal	142 (17.8)	232.63	23.41	58	265

Jadual 3: Ringkasan ANOVA Sehala Perbezaan Jati Diri

Pemboleh ubah		JKD	dk	MKD	F	Sig.
Etnik					46.81	0.00
	Antara kump.	46778.54	2	23389.27		
	Dalam kump.					
	Jumlah	398216.40	797	499.64		
		444994.94	799			

Hasil kajian ini yang menunjukkan terdapatnya perbezaan jati diri mengikut etnik adalah seiring dengan dapatan beberapa kajian lain. Misalnya, Jaret dan Reitzes (2009) mendapati wujudnya perbezaan identiti bagi responden yang berlainan etnik. Kajian Chi-Huang (2005) juga menunjukkan wujudnya perbezaan jati diri (identiti) dalam kalangan responden yang berlainan etnik.

Selain itu, Tartakovsky (2010) turut mendapati wujudnya perbezaan jati diri dalam kalangan responden yang berbeza etnik yang mana responden dari etnik majoriti mempunyai sikap yang lebih positif dan jati diri yang lebih kuat berbanding responden dari etnik minoriti. Namun begitu, situasinya berbeza dalam kajian ini kerana etnik Melayu yang merupakan etnik majoriti di negara ini mempunyai skor jati diri yang lebih rendah berbanding dengan etnik minoriti. Namun, terdapat kajian Jaret dan Reitzes (2009) ke atas pelajar institusi pengajian tinggi yang mendapati indeks identiti etnik majoriti (orang kulit putih) lebih rendah berbanding etnik minoriti (orang kulit hitam). Perbezaan

tersebut disebabkan oleh amalan nilai dan budaya etnik masing-masing seperti yang diperkatakan oleh Jaret dan Reitzes (2009).

Kesimpulannya, tahap jati diri sampel kajian ini, khususnya etnik Melayu berada pada tahap yang agak membimbangkan. Oleh yang demikian, semua pihak perlu mengambil iktibar kerana hasil kajian terdahulu yang menunjukkan adanya ancaman seperti faktor globalisasi, migrasi dan perubahan politik terhadap jati diri seseorang. Tahap jati diri pelajar institusi pengajian tinggi amat penting untuk dipastikan kerana kelompok ini bakal menjadi barisan pemimpin dan peneraju negara pada masa hadapan yang mana tahap jati diri mereka perlulah tinggi bagi memastikan kedaulatan dan kemakmuran negara dapat dikekalkan. Oleh yang demikian, usaha secara berterusan harus dilakukan bagi memperkukuhkan jati diri rakyat negara ini khususnya generasi muda.

Hasil kajian ini dijangka mampu memberi gambaran semasa mengenai tahap jati diri dalam kalangan kelompok generasi muda negara ini. Hasil penemuan kajian ini juga dijangka boleh menjadi input berguna kepada pihak berwajib dalam mempertingkatkan jati diri kebangsaan di kalangan rakyat Malaysia. Hasil kajian ini boleh dijadikan sumber maklumat dalam merangka program pembinaan jati diri yang lebih berkesan, menambah baik kurikulum pendidikan negara sekiranya perlu, dan menambah baik dasar sedia ada atau menggubal dasar baru mengikut keperluan semasa.

CADANGAN

Pembentukan jati diri kebangsaan merupakan proses yang berterusan. Maka, pelbagai program dan aktiviti boleh dirancang untuk penduduk Malaysia. Perancangan yang lebih terperinci boleh diusahakan ke atas golongan muda yang bakal mewarnai negara pada masa akan datang.

Elemen paling penting dalam membentuk jati diri ialah pendidikan. Proses pendidikan pula boleh berlangsung secara formal dan tidak formal. Matlamat kedua-dua kaedah tersebut adalah sama, hanya kaedah penyampaiannya yang berbeza. Proses memupuk jati diri kebangsaan secara formal untuk generasi muda sebaiknya diterajui oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Seperti yang sedang berlaku dalam sistem pendidikan kebangsaan sekarang, aktiviti pemupukan jati diri kebangsaan dilakukan secara *embedded* di dalam beberapa mata pelajaran yang diajar sama ada di sekolah rendah mahupun menengah. Itu merupakan suatu usaha yang boleh dibanggakan. Oleh yang demikian, walaupun berlakunya rombakan kurikulum bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa, agenda pemupukan jati diri kebangsaan tetap perlu diteruskan.

Proses pendidikan secara tidak formal pula boleh dilakukan secara lebih kreatif dengan beberapa kaedah yang menarik untuk diikuti oleh semua lapisan masyarakat. Proses pendidikan secara tidak formal sesuai diterajui oleh agensi kerajaan, swasta mahupun badan bukan kerajaan. Bagi menjamin keberkesanan penyampaian, ianya perlu dirancang dengan teliti dan program yang dianjurkan perlulah bersesuaian dengan kumpulan sasaran.

Selain itu, pihak kerajaan perlu sentiasa memantau dan mengawal aktiviti media elektronik dan cetak. Pada zaman globalisasi ini, media memainkan peranan yang besar dalam memberikan pelbagai informasi dan mempengaruhi pemikiran masyarakat. Tidak dinafikan, masyarakat Malaysia masa kini sudah tidak boleh menjadi seperti “katak di bawah tempurung” kerana ia boleh menyekat perkembangan individu dan pembangunan masyarakat. Namun, pengaruh dari luar negara yang tidak sihat yang kebiasaannya disebarikan melalui media perlu dikawal agar jati diri rakyat negara ini tidak luntur. Filem dan drama yang menjadi tontonan seharian rakyat negara ini juga perlu diperhalusi agar ianya tidak menggugat jati diri rakyat. Program tontonan dan bahan bacaan untuk kanak-kanak juga perlu diteliti agar jati diri generasi muda negara ini tidak terjejas. Semangat cintakan bahasa ibunda dan tanah air serta amalan memartabatkan budaya sendiri perlu terus disemarakkan.

Berdasarkan penemuan kajian ini, perkara-perkara yang perlu diberi perhatian bagi memperkukuhkan jati diri dalam kalangan rakyat Malaysia ialah jati diri kebangsaan yang akan ditekankan kepada semua rakyat Malaysia haruslah mempunyai unsur-unsur rasa kepunyaan kepada bangsa dan negara. Dengan kata lain, rakyat yang mempunyai jati diri adalah rakyat yang sayangkan bangsa dan negaranya. Selain itu, jati diri kebangsaan yang akan ditekankan di negara ini perlulah mengambil kira kepelbagaian etnik dan budaya yang ada memandangkan kepelbagaian budaya tersebut membuatkan negara ini unik. Output yang diharapkan ialah individu dan masyarakat yang mempunyai jati diri yang tinggi namun masih mengamalkan adat dan budaya bangsanya. Selain itu, identiti yang diwujudkan tidak membawa kepada perpecahan kaum. Ini bermakna individu daripada kaum yang berlainan bebas mengamalkan adat dan budaya masing-masing namun berkongsi suatu jati diri kebangsaan yang sama dengan individu dari kaum lain bagi menggambarkan mereka adalah rakyat Malaysia. Memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum, kecenderungan untuk berlakunya asimilasi kaum mungkin ada. Oleh yang demikian, perjuangan untuk membentuk jati diri kebangsaan tidak seharusnya menyebabkan kehilangan identiti sesebuah bangsa.

RUJUKAN

- Burbank, H. 2010. German national identity: patriotism and stigma. *Stanford Undergraduate Research Journal*, 9.
- Chi-Huang. 2005. Dimension of Taiwanese/Chinese identity and national identity in Taiwan: a latent class analysis. *Journal of Asian and African Studies*, 40, 51-70.
- Collet. B. A. 2007. Islam, national identity and public secondary education: perspectives from the Somali diaspora in Toronto. *Race, Ethnicity and Education*, 10(2), 131-153.
- De La Torre, C. 1997. La identidad nacional del cubano. Logos y encrucijadas de un proyecto. *Revista Latinoamericana de Psicología*, 29, 223-241.
- Desai, C. M. 2006. National identity in a multicultural society: Malaysian children's literature in English. *Children Literature in Education*, 37(2), 163-184.
- Ismail Bakar. 2010. Sejarah kepimpinan dan politik ke arah pembentukan jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (Pnyt.), *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari* (hlm. 197-120). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Ibrahim. 2010a. *Gagasan 1Malaysia, Peradaban dan Identiti Bangsa: Pendekatan Hadhari*. Bangi: Institut Islam Hadhari UKM.
- Ismail Ibrahim. 2010b. 1Malaysia: pembentukan jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (Pnyt.), *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari* (hlm. 3-20). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jaret, C. & Reitzes, D. C. 2009. Currents in a stream: college student identities and ethnic identities and their relationship with self-esteem, efficacy, and grade point average in an urban university. *Social Science Quarterly*, 90(2), 346-367.
- Kurth, J. 2007. Religion and national identity in America and Europe. *Society*, 44(6), 120-125.

- Matera, C., Giannini, M., Blanco, A. & Smith, P. B. 2005. Autostereotyping and national identity in the Spanish context. *Interamerican Journal of Psychology*, 39(1), 83-92.
- Mendelsohn, M. 2002. Measuring national identity and patterns of attachment: Quebec and nationalist mobilization. *Nationalism and Ethnic Politics*, 8(3), 72-94.
- Orang muda buta sejarah. 2010, 28 Oktober. *Utusan Malaysia*, hlm.3.
- Ramlah Adam. 2005. Kajian tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara di kalangan pelajar IPT. Geran Penyelidikan Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional.
- Tan Bee Chu. 2010. Penghayatan Rukunegara dalam latihan keguruan. Kertas kerja yang tidak diterbitkan. Institut Perguruan Raja Melewar, Negeri Sembilan.
- Tan Chee-Beng. 2000. Ethnic identities and national identities: some examples from Malaysia. *Identities*, 6(4), 441-480.
- Tartakovsky, E. 2009. National identity of high-school adolescents in an era of socio-economic change: Russia and Ukraine in the Post-Perestroika period. *Journal of Youth and Adolescence*, 39. DOI: 10.1007/s10964-010-9509-6.
- Wan Muhamad, S. A. A. 2010. Strategi, kaedah dan pelaksanaan dakwah dalam membina jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (Pnyt.), *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari* (hlm. 85-96). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.